

**SEJARAH SOSIOEKONOMI
DAERAH YAN
DARI 1909 HINGGA 1957**

OLEH

TEH KOON HOO

**Tesis diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera**

JUN 2003

KHAS UNTUK

Kedua ibu bapa tersayang yang pengorbanannya tak terceritakan serta isteri dan anak-anak tersayang yang terpaksa berdepan dengan berbagai kerentahan dalam menyiapkan tesis ini.

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

10 JUN 2003

TEH KOON HOO

PENGHARGAAN

Bersyukur penulis kepada Tuhan kerana dengan izinNya telah dapat menyiapkan tesis ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Dalam usaha menyiapkan kajian ini penulis amat berhutang budi kepada banyak pihak. Penulis amat berterima kasih kepada Professor Madya Dr. Abu Talib Ahmad yang sudi memberi teguran, saranan, dorongan dan bimbingan berguna selepas beliau mendorong dan menggalak saya menulis secara kritis berbagai aspek tentang Sejarah Sosioekonomi Yan. Terima kasih kerana melayani kerena penulis dengan penuh sabar.

Secara khusus penulis mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh kakitangan Bahagian Sejarah di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang memberi kritikan dan cadangan membina. Terima kasih juga dirakamkan kepada kakitangan Pusat Pengajian Siswazah. Selain itu ramai individu turut memberi sumbangan antaranya Prof. Madya Dr. Mohamad Isa Othman, Prof. Madya Abdul Rahman Haji Ismail, Prof. Madya Dr. Leong Yee Fong, Dato' Haji Wan Shamsuddin Mohd. Yusuf, Teh Koon Hock dan Teh Soo Yen. Kepada mereka, penulis merakamkan terima kasih daun keladi. Rakaman penghargaan diberi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi cuti belajar dan memberi bantuan kewangan untuk membuat penyelidikan ini.

Penulis juga ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh kakitangan Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis, Pejabat Daerah Yan, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Awam Kedah, Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kedah, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Muzium Negeri Kedah dan Persatuan

Sejarah Malaysia Cawangan Kedah yang telah memberi kerjasama yang sangat rapat dan mesra kepada penulis. Kepada penduduk Yan penulis sampaikan perasaan terhutang budi yang tidak terhingga kerana kerjasama mereka. Kini penderitaan dan hasrat mereka sudah dapat penulis selami. Kepada kedua ibu bapa yang sentiasa memberi dorongan dan kasih sayang dari dalam kandungan sehingga kini, penulis merakamkan jutaan terima kasih. Akhirnya, penulis ingin menyatakan penghargaan dan kasih sayang kepada isteri dan anak-anak tersayang yang memberi dorongan dan sokongan kuat kepada saya.

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Minden, Pulau Pinang
Jun 2003

KANDUNGAN

<i>Penghargaan</i>	<i>iii</i>
<i>Kandungan</i>	<i>v</i>
<i>Senarai Jadual</i>	<i>vii</i>
<i>Senarai Peta</i>	<i>ix</i>
<i>Daftar Kependekan</i>	<i>xi</i>
<i>Matawang</i>	<i>xii</i>
<i>Abstrak</i>	<i>xiii</i>
<i>Abstract</i>	<i>xv</i>

BAB 1 : PENGENALAN 1

Sumber dan Kajian	6
Dasar Sosioekonomi Kolonial British, 1909-1957	9
Peminggiran dan Penindasan	16
Optimisme dan "Survival" (Kemandirian)	22
Daerah Yan	23

BAB 2 : KEPENDUDUKAN DAERAH YAN DARI 1909 HINGGA 1957 25

Penempatan Tradisional Daerah Yan	26
Penduduk Daerah Yan Dari 1909 Hingga 1957	32
Masyarakat Melayu	52
Komuniti Etnik Aceh	70
Komuniti Cina	78

BAB 3 : EKONOMI DAERAH YAN DARI 1909 HINGGA 1957 87

Ekonomi Zaman Kesultanan Melayu Kedah (1880 - 1909)	91
Ekonomi Kapitalis British (1909 - 57)	119
Ekonomi Zaman Jepun (1942 - 45)	151

BAB 4 : PERKEMBANGAN PENDIDIKAN	
DAERAH YAN DARI 1909 HINGGA 1957	164
Pendidikan Agama Islam	165
Sekolah Pondok	171
Sekolah Agama	188
Sumbangan Pendidikan Agama Islam	194
Sekolah Melayu/ Sekolah Rakyat	197
Sekolah Cina	222
BAB 5 : KEBANGKITAN ORANG MELAYU	
DAERAH YAN, 1909 HINGGA 1957	235
Kebangkitan Orang Melayu Daerah Yan Sebelum 1909	238
Kebangkitan Orang Melayu Daerah Yan, 1909-1957	247
Pergerakan Politik Melayu Daerah Yan, 1945-1957	265
BAB 6 : KESIMPULAN	297
<i>Bibliografi</i>	303
<i>Temubual</i>	331
<i>Lampiran A : Ulama Kedah 1850-an - 1940</i>	342
<i>Lampiran B : Laporan Pegawai Daerah Yan, 1937</i>	345
<i>Lampiran C : Permohonan taliair petani Guar Chempedak</i>	346
<i>Lampiran D : Permohonan Taliair Petani Titi Lahar, Batu 20, Yan.</i>	347
<i>Lampiran E : Rayuan Pegawai Daerah Yan Mengenai Permohonan Taliair</i>	349
<i>Lampiran F : Surat Teriak Nelayan Yan</i>	350

SENARAI JADUAL

- 2.1 Jumlah Penduduk Cina dan India Di Daerah Dalam Negeri Kedah, 1911-1957
- 2.2 Penduduk Daerah Yan Dari 1909 Hingga 1957
- 2.3 Jumlah Penduduk Daerah Yan Dari 1911 hingga 1957
- 2.4 Komposisi Penduduk Daerah Yan Mengikut Mukim Dari 1909 hingga 1957
- 2.5 Perkembangan Penduduk Daerah Yan Mengikut Mukim Bagi 1931, 1947 dan 1957
- 2.6 Perkembangan Komuniti Cina Daerah Yan Mengikut Mukim Bagi 1931, 1947 dan 1957
- 2.7 Perkembangan Penduduk Daerah Yan Mengikut Komuniti Utama Bagi 1931, 1947 dan 1957
- 2.8 Perkembangan Komuniti India Daerah Yan Mengikut Mukim Bagi 1931, 1947 dan 1957
- 2.9 Kepadatan Penduduk Daerah Dalam Negeri Kedah Bagi 1911, 1921, 1931, 1947 dan 1957
- 2.10 Kepadatan Penduduk Daerah Dalam Negeri Kedah, 1911-1957
- 2.11 Kepadatan Penduduk Daerah Yan Mengikut Mukim, 1911 Hingga 1957
- 2.12 Komposisi Penduduk Di Pekan-pekan Kecil Dalam Daerah Yan 1937 dan 1957
- 2.13 Komuniti Melayu Di Daerah Yan 1921, 1931 dan 1947
- 2.14 Kumpulan Etnik Komuniti Cina Daerah Yan, 1921, 1931 dan 1947
- 3.1 Pemegang Pajakan Daerah Yan Pada 1900
- 3.2 Bilangan Pesakit Dalam (Indoor Patients) Hospital Kerajaan Dalam Negeri Kedah pada 1926
- 3.3 Bilangan Pesakit Luar Hospital Kerajaan Dalam Negeri Kedah
- 3.4 Keluasan Kawasan Penanaman Padi Daerah Yan
- 3.5 Peruntukan Membaikpulih Sistem Pengairan Daerah Yan Sekitar 1920-an

- 3.6 Hasil Yang Dipungut Oleh Pegawai Perikanan Daerah Yan Dari 1923 Hingga 1925
- 4.1 Sekolah Pondok Dalam Daerah Yan Sebelum 1909
- 4.2 Sekolah Pondok Dalam Daerah Yan, 1909-1957
- 4.3 Sekolah Melayu Di Negeri Kedah, 1892-1909
- 4.4 Sekolah Melayu Daerah Yan, 1909-1957
- 4.5 Harga Barang di Daerah Yan Pada Zaman Pendudukan Jepun
- 4.6 Sekolah-sekolah Cina Dalam Daerah Yan, 1909-1957
- 5.1 Pemilikan Tanah Bendang Di Kedah Mengikut Taraf Hak Milik, 1955
- 5.2 Kadar Sewa Tanah Bendang Di Negeri Kedah Sebagai Peratusan Pengeluaran Serelung, 1951
- 5.3 Taburan Keluasan Bendang Di Negeri Kedah, 1955
- 5.4 Bilangan Ahli Persatuan Ulama Kedah Cawangan Daerah Yan, 1946-1953

SENARAI PETA

- 1.1 Negeri Kedah Darul Aman
- 1.2 Daerah Yan
- 2.1 Sungai-sungai Dalam Daerah Yan
- 2.2 Pelabuhan Merbok
- 4.1 Taburan Sekolah Pondok dan Sekolah Agama Dalam Daerah Yan, Dari 1909 Hingga 1957
- 4.2 Taburan Sekolah Melayu dan Sekolah Rakyat Dalam Daerah Yan, Dari 1900 Hingga 1957
- 4.3 Taburan Sekolah Cina Dalam Daerah Yan, Dari 1909 Hingga 1957

GAMBAR

- 5.1 Ismail Hussein – Tokoh Kelahiran Daerah Yan
- 5.2 Ismail Hussein – Persidangan Antarabangsa Pemikiran Ismail Hussain dan Perarakan Sirih Pulang ke Gagang (17-21 Oktober 2002)

DAFTAR KEPENDEKAN

- C.O. : Despatches and Telegrams From the Straits Settlements to Colonial Office.
- DBP : Dewan Bahasa dan Pustaka
- F.O. : Foreign Office.
- J.I.A. : Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia.
- JMBRAS : Journal of the Malayan/ Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- JSEAS : Journal of Southeast Asian Studies
- JSEAH : Journal of Southeast Asian History.
- KAR : Kedah Annual Report.
- KEDA : Lembaga Kemajuan Lembah Kedah
- KMK : Kesatuan Melayu Kedah.
- KDSS : Kedah Dari Segi Sejarah.
- KEDA : Kedah Development Authority.
- MADA : Muda Agriculture Development Authority (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda)
- MDSS : Malaysia Dari Segi Sejarah.
- MIH : Malaya/ Malaysia In History.
- PSM : Persatuan Sejarah Malaysia
- PSMCK : Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah
- PUK : Persatuan Ulama Kedah.
- SA : Sekolah Agama
- SC : Sekolah Cina
- SM : Sekolah Melayu
- SP : Sekolah Pondok
- SR : Sekolah Rakyat
- SMSAH : Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid.
- SUK : Setiausaha Kerajaan Kedah.

MATAWANG

Matawang yang disebut dalam tesis ini
ialah matawang **Ringgit Selat (Straits Dollars)**
kecuali dinyatakan secara khusus.

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada isu sosioekonomi Yan, Kedah dari 1909 hingga 1957 dengan penelitian kepada aspek peminggiran dan penindasan serta optimisme dan *survival* (kemandirian). Kajian ini mendapati peminggiran dan penindasan berlaku seiring pada zaman kolonial. Demi *survival*, penduduk Yan bersikap optimistik lalu dapat menyesuaikan diri untuk menangani masalah yang timbul daripada fenomena peminggiran dan penindasan.

Kajian ini melihat bagaimana dasar peminggiran Yan secara sengaja atau sebaliknya dalam bidang ekonomi, sosial dan politik telah memundurkan Yan. Tumpuan kolonial kepada daerah-daerah eksplotasi terus meminggirkan Yan daripada menikmati kemudahan infrastruktur dan perkembangan ekonomi moden. Di sebaliknya, Yan menjadi tumpuan golongan kapitalis asing yang rakus memeras lebihan ekonomi petani. Lebih malang lagi, pemodal-pemodal Melayu juga mengambil kesempatan untuk menindas petani melalui sistem *padi kunca* dan *jual janji*.

Kajian ini mendapati penduduk Yan dapat mengatasi fenomena peminggiran dan penindasan melalui sikap optimistik demi mempertahankan *survival* mereka. Nilai-nilai sosiobudaya seperti ikatan persaudaraan, berderau, sedekah, zakat dan fitrah diperkuuh demi survival golongan petani yang lemah. Kajian ini juga memaparkan optimisme penduduk Yan yang berkaitan dengan *survival* mereka dengan sanggup berkorban untuk kepentingan pelajaran anak-anak dengan bergotong-royong membina institusi pendidikan yang akhirnya berjaya melahirkan golongan cerdik pandai Melayu.

Pendudukan Jepun walaupun singkat (3 tahun 8 bulan) meninggalkan kesan yang mendalam ke atas penduduk Yan. Setelah munculnya gerakan politik massa yang selama ini dikongkong oleh British, orang Melayu Yan bukan sahaja lantang mempersoalkan pemimpinan Yan malah sedar akan dasar British yang tidak langsung tidak membawa kemajuan Yan. Sedikit perhatian yang diberikan oleh tentera Jepun dirasakan begitu tinggi nilainya kerana selama ini Yan dipinggirkan. Oleh itu, dalam suasana politik yang sedang bergolak selepas tentera Jepun berundur, penduduk Yan telah bersatu menyokong tokoh-tokoh politik mereka untuk menghadapi ancaman Bintang Tiga dan Malayan Union. Dalam suasana politik yang kelam-kabut pada 1946 ini, tokoh politik Yan telah muncul untuk menyatukan penduduk Kedah dan berjaya menganjurkan tunjuk perasaan menentang rancangan Malayan Union. Sikap optimistik penduduk Yan demi *survival* bangsa Melayu jelas terpancar dalam tempoh kekalutan politik, 1946 hingga 1957.

**THE SOCIO-ECONOMIC HISTORY
OF YAN DISTRICT
FROM 1909 UNTIL 1957**

ABSTRACT


The focus of this research is on the socio-economic condition of Yan, Kedah from 1909 until 1957. Attention is given to the theme of *marginalization* and *oppression* and *optimism* and *survival* among the people of Yan.

This research reveals how Yan was marginalized either by design or otherwise especially in the field of economy, social and politics. The colonial administrators paid special attention to the districts which could be exploited and left Yan to fend for itself. Therefore, it was left out in infrastructure and modern economic development. On the contrary, foreign capitalists started oppressing with utmost greed the economics of the agricultural community in Yan. It is most unfortunate that even the local Malay leaders took part in oppressing the farmers through their *padi kunca* and *jual janji* mode of operations.


This research also reveals that the people of Yan overcame marginalization and oppression through their sheer will to survive. Social and cultural values like brotherhood, *berderau*, paying alms and tithe were enhanced to ensure the survival of the poor farming community. This research also found that the people of Yan were full of optimism with regards to their survival. They worked tirelessly in the spirit of *gotong royong* to build schools that would provide basic education for their children.

Although the Japanese occupation was a brief one (3 years and 8 months) it had left an indelible mark in the psyche of the people of Yan. With the advent of political awareness among the Malay community, they began to question the presence of the British. Whatever little attention given by the Japanese was definitely better since they had been neglected under British rule. At the time of the Japanese surrender the people of Yan supported their leaders in facing the threat of *Bintang Tiga* and the Malayan Union. These local leaders were able to unite the people of Kedah to protest the formation of Malayan Union. The optimistic attitude of the Yan people to ensure their survival is clearly seen during the political turmoil from 1946 to 1957.

PETA 1.1 NEGERI KEDAH DARUL AMAN



PETA 1.2 DAERAH YAN



BAB 1

PENGENALAN

Berbanding sejarah kebangsaan, sejarah tempatan merangkumi asal usul dan ciri-ciri masyarakat tempatan termasuk peristiwa serta tokoh tempatan. Di barat, sejarah tempatan baik sebuah pekan kecil atau bandar besar didokumentasikan dalam bentuk buku supaya setiap peristiwa silam walaupun berlaku beratus-ratus tahun dahulu dapat *dirasakan* sehingga kini. Walaupun usaha-usaha memberi nafas kepada peristiwa lalu giat dijalankan oleh Muzium Negara dan Arkib Negara Malaysia, usaha ini belum menyentuh peristiwa-peristiwa di peringkat daerah atau tempatan. Hanya peristiwa besar dan tokoh besar ditonjolkan serta didokumentasikan sementara peristiwa kecil atau tokoh tempatan diabaikan.¹ Hal ini juga disebabkan sikap *negatif* orang Malaysia sendiri.² Tambahan pula, ahli sejarah lebih cenderung kepada penggunaan dokumen bertulis dan merasa kurang yakin jika menggunakan bahan-bahan lisan.

Untuk memahami sesebuah masyarakat dengan lebih mendalam, masyarakat di peringkat daerah perlu diberi perhatian. Bagi penduduk tempatan memang terdapat satu

¹ Seperti kata seorang sejarawan tempatan, "Among the local historians too there was no realisation of the need to provide a broader perspective of Malay history. Many continued to write parochial state history with the conventional emphasis on rulers and great men..." Petikan dalam Khoo Kay Kim, *Malay Society, Transformation and Democratisation*, Pelanduk, Petaling Jaya, 1991, hlm. 280-295.

² Menurut Khoo Kay Kim, "that this is a specific concern about remembrance, evident since writing biographies in this country is a nightmare because individuals do not keep personal records and descendants of famous personalities are uncooperative. People become unnecessarily wary when searching questions are asked, in scant details hamper knowledge". Petikan dalam "Don: History A Dead Subject", *Star*, 28 November 1996.

pandangan yang khusus dan tersendiri berkenaan dunia mereka ataupun dunia luar. Sejarah tempatan adalah suatu tahap yang paling asas mengenai kesejarahan sesebuah tempat. Dalam konteks Malaysia, sejarah tempatan merangkumi bahagian-bahagian kampung, mukim dan daerah yang kemudian diikuti negeri serta sejarah negara. Keempat-empat tahap ini saling berkaitan dengan masing-masing saling menyumbang antara satu sama lain. Kesemuanya berangkai (*coherent*) dan mungkin bertaut, untuk membina sebuah sejarah negeri atau negara yang lebih utuh.³

Kesedaran untuk mengkaji sejarah tempatan memang telah lama wujud, tetapi keberkesanannya hingga kini masih kurang. Hanya segelintir sahaja daripada penghasilan kajian sejarah tempatan yang telah diterbitkan. Begitu juga kajian sejarah tempatan di peringkat ijazah tinggi kurang menarik perhatian kerana kekurangan sumber. Penyelidikan sejarah tempatan bukanlah semudah seperti yang sering diandaikan. Ianya memerlukan komitmen yang tinggi untuk menghambat sumber yang terhad. Tetapi ini tidak seharusnya menjadi alasan untuk meminggirkan sejarah tempatan. Apa yang perlu kita harus mematuhi kepada tabii sejarah, ertiinya sesuatu peristiwa atau objek kepada peristiwa yang dibahaskan tertakluk kepada hukum sebab-musabab: sesuatu itu ada asal usul permulaannya yang menjadi sebab, diikuti oleh peristiwanya dan akibat daripada sebab dan peristiwa itu. Jalinan kepada ketiga-tiga faktor inilah yang menimbulkan kecanggihan sejarah dari segi meruntun kita berfikir, menyelidik dan mencetuskan pengembangan intelektual.⁴ Walaupun sesuatu peristiwa itu terasa kecil dan tidak penting bagi sesetengah sejarawan tetapi ianya amat bermakna

³ Muhammad Yusoff Hashim, "Penulisan Sejarah Tempatan Di Malaysia: Refensi Contoh Daripada Teks Aturan Bugis Dengan Melayu", dalam Mohammad Redzuan Othman (peny.), *Jendela Masa: Kumpulan Esei Sempena Persuruan Datuk Khoo Kay Kim*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2001, hlm. 41.

⁴ Ibid, hlm. 46.

bagi masyarakat yang mengalami peristiwa tersebut atau kepada penduduk setempat. Pemerhatian yang menyeluruh ke dalam sejarah daerah akan memberi sekurang-kurangnya sedikit kefahaman tentang mengapa orang yang berlainan dalam daerah-daerah yang berlainan bertindak berlainan terhadap peristiwa yang sama.

Objek-objek di sekeliling kita memang penuh dengan sejarahnya yang tersendiri tetapi sekiranya tidak dimanfaatkan kesejarahannya, ianya tidak akan bererti apa-apa. Lama kelamaan sejarah tempat itu akan hilang begitu sahaja kerana *bukti sejarah* semakin pupus ditelan masa. Sekurang-kurangnya sejarah tempatan mengajar siapa diri kita sebenarnya, asal usul kita, sumbangan generasi lalu ke atas generasi kini dan manfaatnya terhadap generasi akan datang.

Dilihat dari perspektif yang disebut di atas, kajian ini merupakan satu penyimpangan daripada tradisi penulisan sejarah yang cenderung kepada tajuk dan tokoh besar tetapi masih merupakan satu usaha untuk menulis semula sejarah Malaysia. Kajian sejarah tempatan akan menjuruskan kita kepada perkara-perkara yang selalunya diabaikan atau kurang diutamakan oleh sejarawan berbanding sejarah politik dan pentadbiran. Pengkajian semula sejarah Malaysia seharusnya merangkumi perspektif yang lebih luas, yang dapat merangkumi segala aspek masyarakat. Penulisan sejarah seharusnya ditumpukan kepada tajuk-tajuk yang baru.

Dalam kerangka sejarah Kedah ataupun sejarah Yan, yang menjadi denominator ialah sejarah; perbezaan yang timbul ialah masyarakat manakah yang akan menjadi fokus kajian. Meskipun Yan berada dalam negeri Kedah, sejarahnya berbeza daripada sejarah daerah-daerah lain. Apatah lagi wujudnya daerah-daerah yang menjadi

tumpuan kolonial dan ada yang dipinggirkan. Adalah menjadi tanggungjawab ahli sejarah untuk mengalurkan bagaimanakah masyarakat di peringkat daerah mahupun kampung berkembang dari dahulu sampai sekarang. Perkara ini amat penting, kerana daerah-daerah seperti Yan turut terpinggir dalam penulisan sejarahnya.

Jika dibuat perbandingan penulisan sejarah Yan tidaklah jauh berbeza dengan apa yang terdapat di dalam hikayat-hikayat lama seperti *Hikayat Siak* dan *Acheh*, yang menumpukan perhatian kepada sejarah daerah di Sumatera. Cuma bagi sejarah Yan kita tidak dapat menyebutnya sebagai *Hikayat Yan*.

Sejarah Yan sebagaimana sejarah Melaka atau sejarah Merbok adalah unik. Daripada sebuah pelabuhan yang terkenal di Nusantara dan dunia luar, Merbok terus hilang dalam peta dunia. Nasib yang sama juga terjadi kepada Yan.

Penulisan sejarah tempatan seperti sejarah sosioekonomi Yan memungkinkan seseorang pengkaji mengungkap sejarahnya lebih terperinci, halus dan lengkap sebagaimana yang diadunkan oleh Shamsul Amri ke atas Kampung Chempaka dalam tesis kedoktorannya yang telah diterbitkan dengan tajuk *From British to Bumiputera Rule*. Kajian sosioekonomi Yan memungkinkan penemuan persoalan-persoalan baru seperti peminggiran dan penindasan serta optimisme dan *survival* yang tidak pernah mendapat perhatian sebelum ini.

Sejak abad ke-4 Yan telah menjadi pelabuhan antarabangsa yang dikunjungi pedagang dari selatan Siam, Indonesia, India dan Arab. Yan juga memainkan peranan sebagai pembekal barang hutan, laut serta makanan kepada pelabuhan Merbok. Namun pada zaman pentadbiran kolonial Yan menjadi mundur akibat peminggiran

secara sengaja atau sebaliknya. Pihak kolonial lebih menumpukan perhatian kepada daerah-daerah yang boleh dieksplotasi seperti Kota Setar, Kulim, Kuala Muda, Baling, Kubang Pasu, Bandar Bharu dan Padang Terap sementara Yan diabaikan. Kedudukan daerah-daerah ini yang kaya dengan sumber bumi dan tanah untuk diterokai serta adanya hubungan rapat antara golongan elit Melayu dengan pegawai-pegawai kolonial merupakan faktor yang mempengaruhi ketua-ketua tempatan untuk mengambil langkah memajukan pentadbiran bagi perkembangan ekonomi daerah-daerah tersebut. Kota Setar, Kuala Muda dan Kulim juga menjadi tumpuan imigran Cina dan India yang bertambah ramai hingga menjadikan mereka kelompok yang besar di kawasan tersebut. Namun keadaan di Yan berbeza kerana pengaruh kolonial yang meresap masuk adalah terhad sementara kadar pertumbuhan penduduk tempatan termasuk penghijrah dari Nusantara khususnya Aceh adalah jauh lebih besar berbanding imigran Cina dan India.

Tempoh kajian dari 1909 hingga 1957 memaparkan 3 tahap perkembangan di Yan. Tahap pertama melibatkan perpindahan kuasa Siam kepada British dari 1909 hingga 1941 yang mengakibatkan daerah ini dipinggirkan oleh mereka. Tahap kedua dari 8 Disember 1941 hingga 15 Ogos 1945 merupakan zaman tentera Jepun memerintah Tanah Melayu yang penuh ngeri serta mencemaskan. Tahap ketiga dari 1945 hingga 1957 yang merupakan peringkat kedua resapan pengaruh British secara langsung menyaksikan kemunculan kesedaran semangat kebangsaan di kalangan rakyat Tanah Melayu yang begitu ketara akibat pendudukan Jepun. Ketika ini juga rakyat menilai semula imej kerajaan British yang telah jatuh di kalangan orang tempatan akibat kemenangan Jepun dalam tempoh yang begitu singkat.

Pemilihan jangka masa kajian memberi peluang untuk membuat perbandingan dan menilai usaha yang dijalankan oleh pentadbir-pentadbir Melayu di samping menilai sumbangan, perubahan dan kemajuan yang dicapai setelah bertapaknya pengaruh British⁵ dan Jepun di Yan. Kajian ini lebih tertumpu kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak anak negeri, pihak British dan Jepun terhadap perkembangan di Yan.

Sumber dan Kajian

Kajian ini menumpukan perhatian kepada daerah Yan pada zaman kolonial British dan Jepun (1909-1957) dengan tumpuan kepada aspek peminggiran dan penindasan serta optimisme dan kemandirian (*survival*). Setakat yang diketahui, kajian secara langsung dan menyeluruh tentang daerah Yan belum ada. Penghijrahan orang Aceh ke Yan telah menarik perhatian ramai pengkaji seperti Abdul Majid Hussain, Kamariah Ahmad dan Rohani Mat⁶ yang telah meneliti kegiatan ekonomi dan faktor-faktor penghijrahan orang Aceh ke Yan pada abad ke-19.

Azura Mohd. Jusof pula menumpukan perhatian kepada penubuhan dan perkembangan sekolah-sekolah agama daerah Yan yang masih wujud hingga hari ini.⁷ Manakala Mohd. Nor Abd. Rahman pula meneliti usaha orang Melayu menuju sekolah-sekolah Melayu dari 1900 hingga 1972.⁸ Dengan merujuk kepada sumber-

⁵ Selepas ini disebut sebagai kolonial sahaja.

⁶ Kamariah Ahmad, "Sejarah Orang Aceh di Kampung Aceh, Yan, Kedah", Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1976; Abdul Majid Hussain, "Orang Aceh di Yan, Kedah: Satu Tinjauan Umum", dalam: MDSS, 9, 1980, hlm. 125-130; dan Rohani bt. Mat, "Sejarah Penempatan Orang Aceh di Yan Pada Akhir Kurun Ke-19", Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.

⁷ Azura Mohd. Jusoh, "Penubuhan dan Perkembangan Sekolah-sekolah Agama Dalam Daerah Yan", Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.

⁸ Mohd. Nor Abd. Rahman, "Sejarah Persekolahan Melayu Daerah Yan, Kedah sehingga 1976", 4 Ogos 1995. (Risalah yang tidak diterbitkan).

sumber lisan, Faridah Muhaidin mempersembahkan kajian mengenai kegiatan ekonomi dan pelajaran di Pekan Yan selepas merdeka.⁹

Antara kajian yang paling menonjol berkenaan sebahagian besar daerah Yan dibuat oleh Afifuddin Haji Omar. Beliau telah meneliti perkembangan ekonomi dan politik golongan petani di wilayah Muda di samping mempersoalkan peranan golongan elit dan kelas kapitalis yang menindas golongan petani.

Untuk menyiapkan kajian ini, pergantungan banyak dibuat kepada sumber pertama seperti fail-fail kerajaan, surat-menyurat Sultan Abdul Hamid, terbitan kerajaan, laporan tahunan negeri Kedah, laporan banci penduduk, akhbar, sumber lisan dan bahan-bahan yang tersimpan dalam bentuk mikrofilem yang terdapat di perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Walaupun terhad, fail-fail kerajaan negeri Kedah tetap menyumbang maklumat yang agak banyak tentang pentadbiran Yan dan memperlihatkan dengan jelas soal pemunggiran daerah ini. Kekurangan ini ditampung dengan meneliti sumber lain seperti akhbar dan sumber lisan. Temuramah yang dibuat melibatkan penduduk tempatan yang mengalami sendiri sesuatu peristiwa atau yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan orang yang mengalami peristiwa tertentu.

Koleksi surat-menyurat Sultan Abdul Hamid khususnya kira-kira kewangan, surat-surat pajakan *revenue farm*, surat-surat teriak, minit mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri dan urusan pentadbiran harian amat berguna serta dapat menampung kekurangan sumber sebelum 1905. Di samping itu, penulis menggunakan sumber kedua yang terdiri

⁹ Faridah bt. Mahaiddin, "Sejarah Pekan Yan Dari Segi Ekonomi dan Pelajaran", dalam Khoo Kay Kim (peny.). *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 46-48.

daripada buku, artikel dan latihan ilmiah. Karya-karya Mohd. Isa Othman, Zaharah Haji Mahmud dan Sharom Ahmat banyak membantu memberi pemahaman tentang politik, ekonomi dan sosial Kedah pada zaman kolonial.¹⁰

Penyelidikan ini dibahagikan kepada 5 bab. Bahagian pengenalan merupakan penggarapan tema kajian (peminggiran dan penindasan serta optimisme dan *survival*) serta pengenalan kepada daerah kajian. Dalam bab kedua, tumpuan diberikan kepada kependudukan Yan dari 1909 hingga 1957. Turut dikaji ialah perkembangan komposisi penduduk serta penghijrahan masyarakat Aceh dan Cina ke Yan. Dalam bab ketiga, dibincangkan pula perkembangan ekonomi Yan dan peminggiran serta penindasan terhadap penduduk Yan dalam bidang ekonomi. Bab ini juga menerangkan langkah-langkah yang diambil oleh pihak pentadbiran Jepun dalam usaha mengurangkan keperitan ekonomi di kalangan penduduk Yan. Bab keempat pula memfokuskan peminggiran kolonial dalam bidang pendidikan dan optimisme penduduk Yan dalam menghadapi isu peminggiran dan penindasan kolonial. Sikap optimistik penduduk Yan telah mendorong mereka membina sekolah-sekolah atas daya usaha sendiri dengan bantuan yang minima daripada pihak kolonial. Bab kelima membincangkan kebangkitan orang Melayu Yan dalam menghadapi kemelut peminggiran serta penindasan dan memperlihatkan sikap optimistik dan *survival* penduduk Yan apabila ramai tokoh politik Yan diberi kepercayaan untuk memimpin persatuan-persatuan politik Melayu bukan sahaja di peringkat negeri Kedah malah di peringkat kebangsaan.

¹⁰ Mohd. Isa Othman, *Pengalaman Kedah & Perlis: Zaman Penjajahan British*, Utusan Publication And Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 2001; Zaharah Haji Mahmud, "Change in a Malay Sultanate. A Historical Geography of Kedah before 1939", Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1966; dan Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State: The Economic and Political Development of Kedah, 1878-1923*, Monograph No. 12, MBRAS, Kuala Lumpur, 1984.

Dasar Sosioekonomi Kolonial British, 1909 Hingga 1957

Perkataan sosioekonomi merupakan gabungan dua perkataan, iaitu sosial dan ekonomi. Sosial pada umumnya merujuk kepada interaksi di antara manusia dengan manusia dalam sesebuah masyarakat dan lazimnya, sosial digunakan secara berasingan daripada politik dan ekonomi. Mengikut Khoo Kay Kim, perkataan sosial adalah luas maksudnya. Oleh kerana sosial itu merujuk kepada hubungan manusia dengan manusia, maka ianya juga boleh merangkumi aspek-aspek politik dan ekonomi.¹¹ Ketiga-tiga konsep tersebut tidak dapat dipisahkan apabila memperkaatakan tentang hubungan manusia dengan manusia. Sekiranya seseorang ahli sejarah ingin mengkaji sejarah hubungan manusia dalam sesebuah masyarakat, maka semestinya dia mengkaji sejarah politik dan ekonomi masyarakat tersebut. Sesungguhnya kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan daripada keterlibatannya dalam bidang politik dan ekonomi. Jelasnya, perkataan sosial itu mempunyai makna yang lebih luas daripada politik maupun ekonomi. Ini bermakna sejarah sosial juga perlu mengambil kira aspek ekonomi dan politik.

Walaupun sejarah sosial itu mencakupi satu bidang yang luas, kajian ini hanya memfokuskan kepada isu-isu kependudukan, kegiatan ekonomi pertanian khususnya penanaman padi, pendidikan, protes sosial dan pergerakan politik orang Melayu Yan. Perbincangan aspek-aspek tersebut dapat menjurus kepada isu-isu *pemингgiran* dan *penindasan* serta *optimisme* dan *survival*.

¹¹ Khoo Kay Kim, "Penulisan Sejarah Sosial Malaysia", *Jurnal Sejarah*, Jil. 8, Ogos 1974, hlm. 3.

Dasar sosioekonomi kolonial jelas memaparkan kepentingan mereka untuk memenuhi tuntutan revolusi industri yang berlaku di Britain. Kemerosotan ekonomi yang menggugat kedudukan kelas kapitalis British, kekurangan sumber bahan mentah dan keperluan mencari tempat pemasaran barang siap menjadi landasan pembentukan dasar sosioekonomi kolonial di Tanah Melayu yang hanya menguntungkan pihak mereka tanpa menghiraukan kepentingan rakyat pribumi.¹²

Sistem ekonomi kapitalis telah diperluaskan dengan memberi penekanan kepada tanaman jualan. Selepas 1874 ekonomi Tanah Melayu telah dibuka seluas-luasnya kepada pelabur asing dengan tumpuan awal kepada kawasan yang kaya dengan bijih timah dan kemudiannya kepada pembukaan ladang getah secara besar-besaran di pantai Barat Tanah Melayu.

Pelbagai galakan telah diberi kepada pelabur asing khususnya dari Eropah seperti penggubalan undang-undang buruh serta imigresen bagi menggalakkan kemasukan buruh asing, tanah yang rendah premiumnya dan mengadakan beberapa kemudahan infrastruktur serta bantuan kewangan. *Sistem Tanah Torrens* telah diperkenalkan pada 1880 untuk mengesahkan hak pemilikan tanah kekal supaya pembukaan tanah baru untuk ladang getah secara besar-besaran dapat berjalan lancar. Kerajaan kolonial turut mengkhaskan tanah yang subur dan terletak di sekitar jalan utama kepada pmodal Eropah. Kerajaan kolonial juga telah menukuhan *Tabung Pinjaman Penanam* dengan peruntukan setengah juta ringgit sebagai wang tabung dan pada 1908 ditingkatkan kepada empat juta ringgit.¹³ Undang-undang buruh dan

¹² Lim Teck Ghee, *Peasants and their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1977, hlm. 42.

¹³ J.H. Drabble, "Rubber Industry in Malaya up to 1922", *JMBRAS*, Jil. XXX(I), 1967, hlm. 31-32.

imigresen pula digubal untuk membolehkan kemasukan buruh asing terutama dari China Selatan dan India Selatan demi mempercepatkan lagi proses eksplotasi. Dalam hal ini tabung imigresen telah diwujudkan untuk membiayai kos mengimport tenaga buruh asing. Dasar-dasar sosioekonomi kolonial ini adalah untuk memastikan keuntungan maksima seperti yang dihujah oleh W.R. Roff,

"The ready availability of virtually unlimited supplies of cheap labor from South China and India permitted the exploitation and expansion of the mineral and agricultural resources of the western states without obliging the Malay themselves to share significantly in either the task or its rewards".¹⁴

Dengan itu dasar sosioekonomi kolonial terus mengekalkan orang Melayu di kampung dengan pertanian tradisional sementara para imigran Cina dan India dilibatkan dalam tanaman jualan dan perlombongan. Walaupun pihak kolonial sedar pentingnya beras yang dihasilkan oleh orang Melayu tetapi tiada usaha dibuat untuk membantu. Tiga puluh tahun selepas pembinaan pengairan Krian pada 1906, pihak kolonial tidak lagi membina projek sedemikian di tempat lain. Seperti tulis Lim Teck Ghee, walaupun pembinaan empangan tali air dirasakan perlu bagi manfaat kaum tani tetapi ianya tidak dilaksanakan kerana pentadbiran kolonial menganggap projek tersebut tidak dapat menghasilkan pulangan besar kepada mereka.¹⁵ Sebaliknya lebih banyak modal dilaburkan bagi mengembangkan infrastruktur fizikal bagi menarik lebih banyak pemodal asing ke Tanah Melayu. Mengikut Short dan Jackson, segala pelaburan kolonial adalah bertunjangkan kepada prinsip keuntungan maksimum yang boleh

¹⁴ W.R. Roff, *The Origin of Malay Nationalism*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 15. Perkara yang sama juga diperkatakan oleh R.N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya, 1786-1920*, Kuala Lumpur, 1961.

¹⁵ Lim Teck Ghee, *Peasants and their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*, hlm. 42.

didapati daripada tanaman eksport.¹⁶ Malahan pihak kolonial menganggap pengimportan beras adalah lebih menjimatkan berbanding dengan pengeluaran beras tempatan.¹⁷ Dengan itu adalah sukar bagi pihak kolonial untuk menumpukan pelaburan di sektor sawah padi.

Dasar pihak kolonial terhadap penanaman padi dapat dirumuskan kepada minat mereka yang lebih tertumpu kepada usaha mengurangkan pertukaran wang asing dan mengawal kenaikan harga beras yang boleh mencetuskan kegelisahan pekerja sektor ladang getah dan perlombongan. Mereka tidak menghiraukan kebijakan pengeluar padi yang kebanyakannya terdiri dari orang Melayu.

Di kawasan ekonomi kapitalis, pihak kolonial membina segala kemudahan infrastruktur yang bertujuan menarik pelabur asing dan seterusnya mengeksploitasi hasil-hasil tersebut. Misalnya, jalan keretapi yang pertama dibina di antara Taiping dengan Port Weld bagi menggalakkan perkembangan bijih timah di Lembah Kinta. Selain itu penyelidikan yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan Institut Penyelidikan Getah Malaya (RRIM) lebih menguntungkan pemilik ladang.

Hal ini berbeza sikap pentadbiran kolonial terhadap pekebun kecil yang kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu. Malah ianya cuba menyekat usaha mereka untuk terlibat dalam sektor ini. Walaupun terdapat beberapa kekangan seperti kekurangan modal dan tenaga buruh, orang Melayu tetap mengalihkan perhatian kepada tanaman getah kerana tanaman ini lebih menguntungkan terutamanya sekitar 1906-1910

¹⁶ D.E. Short dan J.C. Jackson, "The Origins of an Irrigation Policy in Malaya", dalam *JMBRAS*, 44, Part. 1, 1967, hlm. 86

¹⁷ D.S. Furgeson, "The Sungai Manik Scheme" dalam *The Malaysian Journal of Tropical Geography* 2, March 1954, hlm. 9

ketika harga getah melambung tinggi. Malah semasa kejatuhan harga getah kepada tahap yang paling rendah pada 1932, pulangan nilai hasil bagi satu ekar masih melebihi pulangan nilai bagi satu ekar tanah padi. Pada tahun itu harga getah jatuh kepada tujuh sen sepaun, tetapi masih boleh ditukarkan kepada lapan puluh enam gantang beras dibandingkan dengan hasil padi bagi satu ekar yang hanya boleh mengeluarkan kira-kira lapan puluh gantang.¹⁸

Dasar ekonomi kolonial yang berat sebelah juga dapat dilihat dengan jelas apabila mereka memperkenalkan Enakmen Tanah Padi 1921 yang bertujuan menghalang orang Melayu menaman getah di kawasan bendang. Langkah ini bertujuan menjaga kepentingan pelabur asing kerana hasil getah pekebun kecil telah memberi saingan kepada pelabur asing terutamanya di zaman kemelesetan ekonomi. Selain itu kerajaan kolonial juga telah memperkenalkan beberapa peraturan ketat ke atas permohonan tanah baru untuk penanaman getah, melambatkan proses kelulusan permohonan, bayaran premium dan cukai tanah getah yang tinggi dan memusnahkan tanaman getah jika didapati permohonan tersebut belum diluluskan. Pada 1930, kerajaan kolonial mlarang pembukaan tanah baru untuk tanaman getah. Di sebaliknya, pengusaha ladang tidak terjeas dengan peraturan ini kerana mereka mempunyai peruntukan tanah simpanan yang luas bagi tanaman baru. Sebelum itu Akta Tanah Simpanan Melayu telah diperkenalkan pada 1913 untuk menghalang penjualan tanah simpanan kepada orang bukan Melayu demi mengekalkan mereka dalam kepompong ekonomi tradisional di kampung. Dasar diskriminasi yang lebih ketara dapat dilihat apabila pihak kolonial membuat taksiran pengeluaran getah pekebun kecil semasa kuota

¹⁸ Lihat Lim Chong Yah, *The Economic Development of Modern Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, hlm. 339 dan Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, hlm. 258.

had minimum pengeluaran dilaksanakan. Pekebun-pekebun kecil getah hanya dibenarkan memenuhi 30-34 peratus daripada kuota pengeluaran getah walaupun 38 peratus daripada keluasan kawasan penanaman getah terdiri daripada kebun kecil getah. Akibatnya pekebun kecil Melayu mengalami kerugian lebih kurang £32 juta di bawah Rancangan Sekatan Stevenson dan £10 juta di bawah Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa. Dasar kolonial dalam soal penanaman getah jelas berpihak kepada pengusaha ladang dan juga memperlihatkan dasar kerajaan kolonial yang tidak memperdulikan petani tempatan

Dasar pendidikan kolonial di Tanah Melayu juga menampakkan dasar berat sebelah. Pihak kolonial mengamal sikap liberal dengan memberi kebebasan kepada mana-mana kaum untuk mendirikan sekolah dalam bahasa ibunda masing-masing, malah sukatan pelajaran berbeda-beda. Terdapat 4 jenis sistem persekolahan di Tanah Melayu yakni sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, sekolah vernakular Tamil dan sekolah Inggeris. Daripada keempat-empat sekolah tersebut, sekolah Inggerislah yang mendapat perhatian khas pihak kolonial.

Sekolah vernakular Melayu telah diperkenalkan kepada orang Melayu dengan tujuan menyediakan pendidikan asas supaya mereka tahu membaca, menulis dan mengira.¹⁹ Pendidikan asas ini bertujuan mengekalkan orang Melayu di kampung untuk meneruskan pekerjaan tradisional ibu bapa mereka sebagai nelayan dan petani.²⁰ Pihak kolonial juga tidak berniat memberi pendidikan yang lebih tinggi kepada anak-anak

¹⁹ High Commissioner's Office File No. 758/1898 : Minit daripada Residen Negeri Sembilan kepada Residen General bertarikh 14 Jun 1898 dalam Awang Had Salleh, "Sekolah Melayu, Sekolah Rakyat dan Pondok di Kedah" dalam Nabihah Haji Mohamed (ed.), *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Kedah*, Muzium Negeri Kedah, Alor Setar, 1991, hlm. 94.

²⁰ KAR 1331

Melayu kerana bimbang akan menimbulkan kesedaran politik dan kekacauan seperti yang terjadi di India akibat pendidikan berlebihan.²¹ Kurikulum sekolah ini tidak berkembang lebih daripada setakat memberikan pendidikan asas selama empat tahun kecuali latihan perguruan sebagai peringkat tertinggi pendidikan sekolah. Dengan itu pendidikan sekolah Melayu tidak begitu bernilai dari segi sosial dan ekonomi kerana lulusannya hanya boleh menjawat jawatan rendah seperti poen, kerani dan guru.

Untuk menjaga hubungan baik dengan golongan bangsawan, pihak kolonial telah menu buhkan Maktab Melayu Kuala Kangsar khas untuk melatih anak-anak bangsawan menjadi pegawai pentadbir. Sementara itu sekolah Inggeris pula didirikan di bandar-bandar demi kepentingan pendidikan anak-anak golongan kapitalis dan golongan bangsawan Melayu. Pendidikan Inggeris sentiasa menjadi rebutan kerana lulusannya berpeluang menjawat jawatan yang tinggi dalam kerajaan. Orang Melayu kebanyakannya mempunyai peluang yang terhad untuk memasuki sekolah ini kerana dasar pendidikan kolonial yang mewajibkan orang Melayu menghantar anak-anak mereka ke sekolah Melayu. Pada tahun 1930-an barulah dibuka peluang kepada orang Melayu memasuki sekolah Inggeris melalui sistem pilihan dengan menduduki peperiksaan selepas tamat darjah empat.²² Mereka yang berjaya ditawarkan ke *Special Malay Class* selama dua tahun sebelum dinaikkan ke kelas empat rendah. Peluang memasuki ke sekolah ini adalah terhad kerana kebanyakannya mereka sudah melebihi sekatan umur yang ditetapkan setelah empat tahun di sekolah Melayu dan sekolah Inggeris pula hanya terdapat di bandar termasuk yang didirikan oleh mubaligh Kristain dan orang perseorangan.

²¹ Ucapan Arthur Noel Kenion, Proceedings of the Federal Council, FMS, 1915.

²² Abu Zahari Abu Bakar, *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 35.

Peminggiran dan Penindasan

Mengikut Kamus Dewan, peminggiran (*marginalization*) bermaksud perbuatan mengesamping atau mengetepikan.²³ Mereka yang terpinggir dihalang daripada menikmati sesuatu kemudahan atau mengambil bahagian dalam sesuatu aktiviti. Dalam konteks kajian ini, peminggiran merujuk kepada keadaan atau ketidakmampuan seseorang dan kumpulan untuk turut menikmati beberapa aspek kehidupan dan kemudahan sosial seperti yang disediakan pihak kolonial di daerah eksplotasi. Pada zaman itu ketidakmampuan merupakan keadaan kekurangan yang menyebabkan mereka dipinggirkan daripada memperolehi keperluan asas serta mendapat kemudahan sosial yang lain pada kadar yang paling minima. Pada zaman kolonial golongan ini berada di pinggir daerah-daerah eksplotasi sama ada dari segi ekonomi, sosial atau politik. Tumpuan kajian ini ialah kepada golongan petani yang merupakan 98% daripada penduduk Yan, yang telah dipinggirkan serta tidak menikmati pembangunan dan bantuan berbanding daerah-daerah eksplotasi kolonial. Meskipun berada dalam lingkungan pentadbiran kolonial, penduduk Yan hanya mendapat faedah yang minima daripadanya. Mereka tidak terpinggir sepenuhnya tetapi berada di pinggiran arus perdana pembangunan Kedah yang menyebabkan daerah Yan terus mundur pada zaman kolonial. Sebelum 1909, iaitu pada zaman Kesultanan Kedah, Yan mendapat perhatian kerana pendapatan sultan amat bergantung kepada hasil padi walaupun tidak dinafikan berlakunya penindasan melalui sistem kerah. Namun begitu, pada akhir kurun ke-19 sultan telah melonggarkan sistem kerah. Justeru Yan menikmati kemudahan pengairan

²³ Noresah Baharom, (ketua editor), et. al., *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2002, hlm. 1040.

yang terbesar sekali ketika itu dengan 80% daripada kawasan pertanian di Yan menikmati faedah daripada Terusan Wan Mat Saman.

Konsep peminggiran seringkali digunakan dalam kajian sains sosial mengenai kemiskinan. Antara penulis Barat yang memperkatakan tentang konsep peminggiran termasuk William, Tomlison, Toporowski, dan Ward.²⁴ William umpamanya, menyatakan bahawa golongan yang dinafikan hak sosial oleh pemerintah merupakan kelompok yang bersaingenan daripada keseluruhan penduduk. Kelompok ini terus terpinggir daripada menerima kesan ekonomi di sekeliling mereka. Ini bermakna kekurangan yang dialami itu berpunca daripada peminggiran sosial yang mendorong berlakunya kemiskinan dan kemunduran. Sarjana tempatan yang mengkaji soal peminggiran ialah Mohd. Taib Dora yang mengkaji peminggiran sosial keluarga Melayu termiskin di kawasan bandar Kuala Lumpur.²⁵

Peminggiran penduduk Yan pada zaman kolonial mencakupi bidang politik, ekonomi dan sosial. Pentadbir kolonial telah mengabaikan kemajuan penduduk Yan dalam pendidikan. Mereka dibiarkan mengamalkan sistem pendidikan yang serba kekurangan sedangkan pendidikan adalah harta yang amat bernilai untuk kemajuan sesuatu bangsa. Isi pelajaran sekolah Melayu pula tidak memberi faedah kepada lulusannya mendapat sebarang pekerjaan kecuali menjadi guru sekolah Melayu. Pengabaian pemerintah kolonial terhadap pendidikan penduduk Yan merupakan satu bentuk peminggiran yang halus bagi mengurangkan kemajuan mereka.

²⁴ S. William, "Exclusion: The Hidden Face of Poverty"; A. Tomlison, "Playing Away From Home: Leisure, Disadvantage and Issues of Income and Access"; dan J. Toporowski, "Beyond Banking: Financial Institutions and The Poor", dalam P. Golding, (peny.), *Excluding The Poor*, CPAG, England, 1986.

²⁵ Mohd. Taib Dora, *Peminggiran Sosial: Keluarga Melayu Termiskin Bandar*, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2000.

Unsur peminggiran berlaku melalui pengaruh kapitalisme British ke atas perubahan sosial dan ekonomi di Yan khususnya ke atas petani. Struktur kapitalisme yang mendominasi sistem ekonomi Yan menjadikan modal sebagai teras sesuatu projek sosioekonomi. Golongan pemodal Cina dan ceti India telah meluru masuk ke Yan selepas 1909 apabila British memerintah Kedah. Bagi petani Yan modal merupakan sesuatu yang sukar diperolehi. Mereka terpaksa bergantung kepada pihak pemodal untuk menguruskan kehidupan sehari-hari. Hal ini ada kaitan dengan perkembangan sektor pertanian dan perikanan yang memerlukan modal dan peralatan yang canggih. Petani yang tidak memiliki modal terus ketinggalan daripada mendapat hasil yang lumayan dan peluang pemasaran yang baik. Ringkasnya kekurangan modal dan bebanan hutang merupakan unsur penting berlakunya peminggiran petani dalam berbagai peluang yang lebih menguntungkan. Sistem kapitalis itu sendiri tidak memberi ruang kepada petani Yan dalam pasaran ekonomi bebas serta pasaran buruh yang lebih menguntungkan.

Gambaran bahawa orang Melayu tidak dapat menghadapi perubahan seperti yang ditegaskan oleh pentadbir kolonial merupakan helah untuk mengelak daripada berlakunya perubahan dan pembangunan Yan yang kaya dengan tanaman padi. Oleh itu dasar peminggiran pemerintah dapat mengekalkan Yan sebagai pembekal makanan kepada sektor ekonomi kapitalis di daerah-daerah eksloitasi kolonial. Pihak kolonial mahu mereka terus menumpukan perhatian kepada penanaman padi. Dasar tidak mahu menganggu aktiviti penanaman padi di Yan berkait dengan usaha mengawasi penanaman getah oleh petani-petani Melayu dalam batas-batas yang menguntungkan di samping mahu menghindari import beras. Kajian Ahmad Saadi dan Doering menunjukkan dasar pemerintahan kolonial terhadap ekonomi padi hanya bertujuan

memajukan kesejahteraan penduduk yang bertambah dalam sektor ekonomi komersil kolonial seperti bijih timah dan getah daripada meringankan tekanan proses monopoli-monopsoni yang memeras golongan petani. Perbelanjaan kerajaan sebanyak \$42 juta dalam tahun 1920 untuk memberi subsidi kepada beras import berbanding perbelanjaan \$2,000 bagi mengurus koperasi desa merupakan bukti pemunggiran dan penindasan ke atas petani.²⁶ Pada 1930-an, kerajaan kolonial menolak gagasan mencukai beras import pada kadar \$4 satu tan, walaupun untuk itu pengguna harus membayar \$0.50 seorang setahun.²⁷ Elit-elit tempatan yang menjauhkan diri daripada masyarakat Yan, turut bersubahat memunggirkan Yan daripada arus pembangunan. Golongan elit ini sentiasa memenuhi kehendak kapitalis asing sedangkan pembangunan Yan dipinggirkankan. Kemudahan asas seperti jalan raya, hospital dan sekolah Inggeris yang terdapat di daerah eksloitasi kolonial tidak dibina di Yan seolah-olah hasil padi tidak sepenting getah dan bijih timah.

Unsur pemunggiran dapat dikaitkan dengan dasar penjajahan, iaitu mengaut bahan mentah dari tanah jajahan untuk memenuhi keperluan industri yang pesat membangun di Barat. Isu ini merupakan isu global dalam dunia penjajahan. Di Indonesia, umpamanya pihak kolonial Belanda menumpukan kegiatan eksloitasi di Jawa sementara pulau-pulau lain dipinggirkan. Manakala di Tanah Melayu pula, pemunggiran dapat dikaitkan dengan wujudnya ketidakseimbangan ekonomi, politik dan sosial yang amat ketara antara wilayah Pantai Barat dengan wilayah Pantai Timur.

²⁶ Lihat Ahmad Saadi, "The Development of Malaya's Rice Industry 1896-1921", Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Singapura, 1960, hlm. 27-29.

²⁷ O.C. Doering III, "Malaysian Rice Policy and The Muda River Irrigation Project", Tesis Ph. D, Cornell University, Cornell, 1973, hlm. 25-26.

Dasar ekonomi British amat berkait rapat dengan perkembangan sektor bijih timah. Bermula dengan perjanjian Pangkor (1874) sehingga mencapai kemerdekaan (1957), perusahaan bijih timah dan getah telah menjadi faktor dominan yang mencorak pembangunan Tanah Melayu. Kerajaan British telah menyediakan prasarana seperti pengangkutan, pelabuhan dan infrastruktur lain untuk mengeksplorasi kekayaan di kawasan itu. Oleh kerana bijih timah tertumpu di wilayah Pantai Barat, terutamanya di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan, rangkaian jalan keretapi dan jalan raya telah dibina di wilayah ini. Faktor ini kemudiannya mempengaruhi kedudukan kawasan penanaman getah di Tanah Melayu yang juga tertumpu di wilayah Pantai Barat. Perusahaan getah telah mendorong penambahan penyediaan infrastuktur di wilayah ini. Faktor ini juga menyebabkan wilayah Pantai Timur terpinggir daripada mendapat kemudahan infrastruktur dan peluang ekonomi moden. Dengan kata lain, pemeringinan merupakan punca utama ketidaksamaan ekonomi, politik dan sosial antara wilayah Pantai Barat dengan Pantai Timur.

Unsur pemeringinan saling berkait dengan penindasan yang berlaku melalui sistem monopoli-monopsoni.²⁸ Penindasan yang dilakukan oleh pemodal-pemodal menyebabkan pendapatan dan pengeluaran petani semakin berkurang. Sistem ekonomi Yan dikawal oleh pemodal sementara kerajaan pula tidak memainkan peranan berkesan bagi memperbaiki sistem ekonomi di Yan sehingga pembangunan sektor penanaman padi terabai. Petani Yan terus ketinggalan dan memperolehi pendapatan yang rendah. Penindasan merupakan manifestasi kepada dasar yang meminggirkan penglibatan petani

²⁸ Lihat, Ungku Aziz, *Renchana Ekonomi dan Kemiskinan*, Pustaka Melayu, Singapore, 1959.

Yan dalam lapangan ekonomi yang lebih baik yang juga menyebabkan mereka terpinggir.

Penindasan adalah satu perkara yang kerap berlaku dalam sejarah Yan sejak dari Kesultanan Melayu Kedah dan diteruskan pada zaman kolonial dalam bentuk yang berbeza. Sebelum 1909 golongan petani ditindas oleh sultan serta pembesar-pembesar Melayu melalui sistem kerah dan selepas 1909 mereka ditindas pula oleh pentadbiran kolonial serta golongan kapitalis. Mereka juga ditindas oleh peruncit kampung yang mempunyai kedudukan monopoli. Peruncit ini membeli hasil tanaman dengan harga yang murah dan menjual barang makanan serta keperluan lain dengan harga mahal. Petani juga ditipu oleh peruncit melalui *mencuri dacing*. Peruncit dan orang perseorangan sentiasa berikhtiar mengikat petani dengan hutang supaya pergantungan ekonomi diteruskan. Walaupun tidak dinyatakan, bunga yang tinggi dikenakan tanpa pengetahuan peminjam dan apabila bebanan hutang terlalu banyak, tanah akan bertukar tangan lalu menjadikan petani sebagai penyewa. Selain daripada itu, penindasan ekonomi ke atas petani-petani Yan juga dilakukan melalui sistem *jual janji* dan *padi kunca* (dibincangkan dalam bab 3). Menurut laporan Kerajaan Tanah Melayu pada 1931,

*Hutang terdapat dalam dua bentuk, yakni kepada lintah darat untuk mengadaikan tanah, dan kepada para pemilik kedai Cina, baik untuk memperoleh wang muka tunai maupun berupa barang-barang keperluan selama masa tumbuhnya tanaman. Antara kedua-dua bentuk hutang itu yang terakhir yang jauh lebih meluas dan merosak. Pada umumnya, didapati bahawa dengan cara ini para petani mendapatkan barang-barang pada saat tanaman tumbuh dan pembayaran kembali dibuat pada waktu menuai, harga yang diterima mengakibatkan petani dibayar harga yang jauh di bawah harga pasaran tanaman itu yang sebenarnya.*²⁹

²⁹ Malaya 1931, *Report of Rice Cultivation Committee*, Jil. 1, Federated Malay States Government Press, Kuala Lumpur, 1932, hlm. 53.

Optimisme dan *Survival* (Kemandirian)

Walaupun penindasan dan peminggiran berlaku serentak, penduduk Yan sentiasa bersikap optimistik untuk *survival*. Mengikut Kamus Dewan, optimisme bermaksud sikap atau pandangan hidup atau pendirian yang melihat segala hal dari sudut kebaikannya sahaja atau menjangkakan perkembangan yang baik-baik sahaja.³⁰ Dalam konteks kajian ini, *survival* (kemandirian) dirujuk kepada perihal penduduk Yan yang dapat berdiri sendiri untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka. *Survival* merupakan reaksi terhadap masalah-masalah yang dihasilkan oleh proses peminggiran dan penindasan yang berlaku secara semulajadi. *Survival* menuntut usaha-usaha gigih penduduk untuk membangunkan diri, masyarakat dan daerah supaya tidak ketinggalan daripada daerah-daerah lain daripada segenap segi. Kajian ini juga cuba mengaitkan sikap optimistik penduduk Yan dengan perjuangan hidup terus menerus untuk *survival*. Dengan kata lain, *survival* bermaksud berjuang untuk hidup tanpa bantuan luar khususnya pemerintah.

Sejarah penindasan oleh pembesar Melayu serta peminggiran dan penindasan kolonial telah mengurangkan sifat autonomi dalam organisasi sosial Yan. Satu-satunya tindak balas mereka ialah berundur sedikit daripada sistem kapitalis yang menindas ke arah pengukuhan ikatan sosial-budaya yang bertindak sebagai penyelamat. Penduduk Yan memajukan beberapa norma sosial yang bertujuan menimbulkan sikap membantu melalui ikatan persaudaraan Islam dan kebudayaan seperti yang terdapat dalam institusi zakat, derau, fitrah, sedekah dan kenduri.³¹

³⁰ Noresah Baharom, *op. cit.*, hlm. 945.

³¹ Lihat J. Migdal, *Peasants, Politics and Revolution: Pressures Toward Political and Social Change in the Third World*, Princeton University Press, Princeton, 1974, hlm. 60-84.